

Profil

Dr Mahathir Mohamad

BH 31/10/2003 - 2 PRECISE

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat pada 16 Julai 1981.

Dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Alor Star, Kedah, Dr Mahathir mendapat pendidikan awal dan menengah di bandar kelahirannya itu.

Pada 1947, beliau melanjutkan pengajian di Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura.

Selepas menamatkan pengajiannya, beliau menyertai perkhidmatan awam Malaysia sebagai Pegawai Perubatan. Pada 1957 beliau meninggalkan perkhidmatan awam untuk membuka klinik persendirian di Alor Star.

Dr Mahathir mula aktif dalam arena politik pada 1945. Beliau menjadi ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) sejak ditubuhkan pada 1946.

Selepas memenangi pilihan raya umum pada 1964, Dr Mahathir dilantik sebagai Ahli Parlimen. Bagaimanapun, beliau hilang kerusi pada pilihan raya umum berikutnya iaitu pada 1969.

Kecenderungan dan minatnya yang mendalam dalam bidang pendidikan membolehkan beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi yang pertama pada 1968, Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi pada 1972, Member of the University Court and University of Malaya Council serta Chairman of the National University Council pada 1974.

Dr Mahathir dilantik sebagai Senator pada 1974. Beliau melepaskan jawatan ini untuk membolehkannya bertanding pada pilihan raya umum 1974 yang mana beliau menang tanpa bertanding.

Berikutan daripada pilihan raya itu, Dr Mahathir dilantik sebagai Menteri Pelajaran.

Pada 1976, Dr Mahathir dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri selain terus menjalankan peranan dan tugas sebagai Menteri Pendidikan.

Dalam rombakan Kabinet dua tahun kemudian, beliau melepaskan portfolio Pendidikan untuk menyandang jawatan baru sebagai Menteri Perdagangan dan Industri. Setelah dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Industri, Dr Mahathir mengetuai pelbagai misi dan promosi pelaburan di luar negara.

Dr Mahathir dipilih sebagai seorang daripada tiga Naib Presiden Umno pada 1975. Pada 1978, beliau memenangi kerusi Timbalan Presiden parti dan pada 1981 beliau dilantik sebagai Presiden parti. Beliau mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden parti pada 1984 apabila menang tanpa bertanding.

Pada pemilihan parti 1987, Dr Mahathir mengalahkan lawannya untuk mengekalkan jawatan Presiden dan pada 1990 dan 1993, sekali lagi beliau menang tanpa bertanding sebagai Presiden parti.

Di bawah pentadbiran beliau, parti memerintah Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya umum berturut-turut pada 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999.

Dr Mahathir berkahwin dengan seorang doktor, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dan mereka dikurniakan tujuh cahaya mata iaitu Marina, Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mukhriz, Maizura, dan Mazhar.